

Projek bakti sosial bantu masyarakat negara jiran

Lima daerah Sumatera Barat dapat khidmat pemeriksaan kesihatan dan perubatan percuma

► MUHAMMAD NUR DINIE ABDUL AZIZ

DARI 22 Julai hingga 1 Ogos lalu, saya menyertai rombongan Projek Damai untuk melakukan kegiatan khidmat masyarakat di Indonesia.

Projek ini merupakan kegiatan bakti sosial yang bermatlamat membawa penakatan penjagaan kesihatan bagi masyarakat Islam di negeri jiran.

Pasukan kami terdiri daripada 24 mahasiswa jurusan kedokteran, jururawat dan farmasi dari Universiti Nasional Singapura (NUS) dan disertai tiga karyawan penjagaan kesihatan dan dua anggota pembimbing dari Palang Merah Singapura.

Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat

Tumpuan utama Projek Damai tahun ini ialah menjalankan pemeriksaan kesihatan di lima daerah – Koto Hilalang, Koto Sekukur, Batu Palano, Batagak dan Padang Laweh – di kabupaten Agam dan Pariaman yang terletak di Padang, Sumatera Barat.

Sejumlah 622 penduduk tempatan mendaftar pada akhir rancangan berbanding dengan 100 penduduk tahun lalu untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan diberikan perubatan secara percuma.

Kami turut mengadakan pemeriksaan kesihatan untuk penduduk lanjut usia di Batu Palano dan menyampaikan maklumat serta nasihat kesihatan.

Kerjasama Palang Merah Indonesia amat dihargai kerana mereka membantu menyediakan prasarana dan kenderaan untuk mengangkut



SUMBANG BAKTI: Sekumpulan pelajar yang terdiri daripada 24 mahasiswa jurusan kedokteran, jururawat dan farmasi dari Universiti Nasional Singapura (NUS) dan disertai tiga karyawan penjagaan kesihatan dan dua anggota pembimbing dari Palang Merah Singapura menyertai Projek Damai di lima daerah di Sumatera. – Foto-foto MUHAMMAD NUR DINIE ABDUL AZIZ

alat-alat kesihatan dan perubatan yang diperoleh melalui sumbangan ikhlas daripada karyawan penjagaan kesihatan di Singapura.

Keadaan berbeza

Kami menghadapi pelbagai kerumitan dan rintangan apabila penduduk yang tiba berkumpul di pusat pemeriksaan kesihatan yang terletak dalam keadaan kawasan yang sempit, kesesakan jalan lalu lintas dan kegelapan dek kekurangan bekalan elektrik pada waktu malam.

Cuaca sungguh dingin di kawasan pergunungan Agam mengakibatkan kami terpaksa memakai baju tebal sewaktu menjalankan kegiatan di waktu malam.

Namun, kami bersatu mengatasi cabaran tersebut dan bersedia membuat penyesuaian serta berkongsi idea melalui sesi maklum balas dan renungan yang dilaksanakan pada malam seterusnya.

Para mahasiswa telah dibahagikan kepada tugas masing-masing berdasarkan kelayakan dan jurusan

demasi memperbaharui ilmu pengetahuan dan meraih pengalaman yang menyeluruh.

Khidmat penjagaan kesihatan

Kebanyakan penduduk merupakan petani sawah padi dan sayur-sayuran dengan usia penduduk merangkumi yang muda mahupun yang lebih lanjut usia.

Di kalangan penduduk yang lebih tua, ramai yang diperiksa menghidapi penyakit kronik seperti artritis reumatoid iaitu sejenis penyakit sendi; jangkitan saluran pernafasan; tekanan darah tinggi dan kadar gula darah yang tinggi.

Sebilangan pesakit dirujuk kepada pusat kesihatan tempatan kerana kami kekurangan peralatan yang sesuai manakala yang lain diberi ubat diapotik.

Doktor dan jururawat turut memberi rawatan sementara untuk kes kemalangan kecil di jalan raya dan melaksanakan rawatan mudah seperti membersihkan luka dan menyalurkan nanah.

Para penduduk juga diberi nasihat agar makan hidangan seimbang untuk mengurangkan gejala kesihatan.

Bantuan sukarelawan Palang Merah Indonesia bantu menyampaikan mesej kami dalam bahasa tempatan untuk golongan penduduk yang kurang berbicara dalam bahasa Indonesia.

Mendekati sekolah

Selain pemeriksaan kesihatan, tumpuan kedua projek kami ialah melakukan pendekatan bakti sosial di sekolah.

Tujuan yang pertama ialah untuk menasihati murid-murid peri pentingnya menjaga kebersihan.

Ilmu kesihatan disampaikan kepada anak-anak dalam bentuk skit dan permainan yang merangkumi cara membersihkan gigi dan gusi secara menyeluruh dan membasuh tangan dengan lengkap sebelum makan.

Tujuan kedua ialah berkongsi ilmu bersama para guru mengenai prinsip cara menyelamatkan jiwa dalam keadaan kecemasan.



TURUN PADANG: Penulis, Encik Muhammad Nur Dinie (tengah), turut membantu menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas penduduk kampung di Sumatera.



AMALKAN KEBERSIHAN: Relawan, Encik Muhammad Nur Aizat (dua dari kiri), yang juga pelajar perubatan NUS, bersama pelajar di Sumatera menerangkan pentingnya menjaga kesihatan.

Aktiviti ini dirancang setelah kami mendapati bahawa para penduduk terletak di kawasan rawan bencana seperti tanah longsor, gempa bumi dan letusan gunung berapi.

Kami berkongsi ilmu bersama guru mengenai resusitasi kardiopulmonari, cara mengatasi obstruksi pernafasan dan perawatan luka seperti pergelangan kaki terseluh dan patah tulang.

Hubungan erat

Kami juga menjalin kerjasama dengan penduduk yang menetap di sana, terutamanya relawan dari Palang Merah Indonesia dan sekumpulan mahasiswa dari Universiti Andalas.

Kami meraih peluang ini berkongsi pengalaman kehidupan di negeri masing-masing dan memperoleh maklumat tentang perbezaan dan kesamaan budaya di kalangan masyarakat Minang dan Melayu dari Sumatera Barat dan Singapura.

Kami menghargai sokongan Palang Merah Singapura, Pusat Kajian Keperawatan Alice Lee dan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin dari NUS serta bantuan karyawan dari Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA).

► Penulis mahasiswa tahun kedua Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, NUS. Beliau boleh dihubungi melalui mndinie@u.nus.edu.